**BAHAGIAN AKAUN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : ELAUN INSENTIF MENYELAM** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 1/7 |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | | Bayaran Elaun Insentif Menyelam | **1. Takrif**<br><br>**Takrif Elaun Menyelam**<br>Bayaran elaun menyelam ini adalah bertujuan sebagai galakan dan ganjaran kepada Pasukan Penyelam kerana menjalankan tugas yang merbahaya dan berisiko tinggi. Ini merupakan satu penghargaan kerajaan kepada pasukan penyelam dan di harap mereka dapat mengekalkan tahap kemahiran serta dapat terus berkhidmat dengan lebih cemerlang.<br><br>**Takrif Ketua Pengarah**<br>Ketua pengarah ialah Ketua Pengarah Penguatkuasa Maritim Malaysia yang di lantik di bawah subseksyen 4(1) Akta APMN 2004 (Akta 633).<br><br>Ketua pengarah ialah Ketua Pengarah Perikanan yang dilantik di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317).<br><br>Ketua Pengarah ialah Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat yang dilantik menurut subseksyen 3(2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)<br><br>**Takrif Penguatkuasa**<br>Penguatkuasa ialah seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu wilayah, Daerah atau Pengkalan Maritim mengikut mana yang berkenaan.<br><br>**Takrif Pegawai Memerintah**<br>Pegawai memerintah ialah pegawai yang memerintah sesebuah kapal APMM.<br><br>**Takrif Pegawai**<br>Pegawai ialah pegawai yang di lantik secara tetap dan kontrak. | Akta APMM 2004 (Akta 633).<br><br>Akta Perikanan 1985 (Akta 317).<br><br>Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | **2. Jenis-jenis Bayaran Elaun Menyelam**<br><br>2.1 Penyelam Ranjau<br>2.2 Penyelam Kapal<br>2.3 Penyelam Bebas | |
| | | | **3. Kelayakan Sebagai Penyelam**<br><br>**3.1 Penyelam Ranjau**<br><br>Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang di iktiraf untuk melaksanakan tugas-tugas Penyelam Ranjau adalah seperti berikut:-.<br>(i) Kursus Penyelam Ranjau dari Pusat Latihan Selam TLDM.<br>(ii) Kursus penyelam ranjau setaraf dari Pusat Latihan Selam Luar Negara yang di iktiraf oleh Ketua Pengarah.<br>(iii) Kursus taraf Deep Water Diver dari mana-mana Pusat Latihan Selam dalam dan luar negara yang di iktiraf oleh Ketua Pengarah.<br>(iv) Lulus peperiksaan kesihatan menyelam tahunan dan di sahkan Fit- To- Dive oleh doktor berkepakaran perubatan dari hospital kerajaan atau pusat perubatan yang di iktiraf oleh kerajaan.<br><br>**3.2 Penyelam Kapal**<br><br>Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang di iktiraf untuk melaksanakan tugas-tugas | Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil.4 Thn 1986 |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | Penyelam Kapal seperti berikut:-<br>(i) Kursus penyelam kapal yang di iktiraf dari Pusat Latihan TLDM.<br>(ii) Kursus penyelam Kapal setaraf dari Pusat Latihan Selam Luar Negara yang di iktiraf oleh Ketua Pengarah.<br>(iii) Kursus taraf Shallow Water Diver dari Pusat Latihan Selam dalam dan luar negara yang di iktiraf oleh Ketua Pengarah.<br>(iv) Lulus peperiksaan kesihatan menyelam tahunan dan di sahkan Fit- To- Dive oleh doktor berkepakaran perubatan dari hospital kerajaan atau pusat perubatan yang di iktiraf oleh kerajaan.<br><br>**3.2 Penyelam Bebas**<br><br>Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang di iktiraf untuk melaksanakan tugas-tugas Penyelam Bebas seperti berikut:-<br>(i) Kursus Penyelam Bebas dari Sekolah Penyelam KD PELANDUK.<br>(ii) Kursus Penyelam Bebas setaraf dari mana-mana sekolah penyelam yang diiktiraf oleh Panglima Tentera Laut.<br>(iii) Disahkan sihat untuk menyelam oleh pegawai perubatan.<br><br>**4. Kadar Bayaran Elaun Insentif Menyelam**<br><br>Elaun Insentif Menyelam bagi pasukan khas dan penyelamat terdiri daripada kakitangan yang berkhidmat seperti di bawah: | Surat :JPA (S) (BGE)63/164- |

| **TAJUK : ELAUN INSENTIF MENYELAM** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 4/7 |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | (see rate table below) | 1Klt.3(28) bertarikh 20 Oktober 2005<br><br>MATM/J1 UGAT/DT9 Jil.6 (20) |

| Jabatan | Kadar (RM) sebulan | | |
|---|---|---|---|
| | Penyelam Ranjau | Penyelam Kapal | Penyelam Bebas |
| APMM | 250.00 | 100.00 | - |
| BOMBA | | 100.00 | - |
| Perikanan | | 100.00 | - |
| Tentera | - | 100.00 | 250.00 |

**5. Syarat Bayaran Elaun Insentif Menyelam**

Syarat-syarat bayaran Elaun Insentif Menyelam adalah seperti di bawah:

5.1 Kadar di bayar mengikut kelayakan yang dimiliki oleh pegawai, hanya satu kadar sahaja di beri, sekiranya pegawai mempunyai dua kategori kelayakan dan mengikut mana yang lebih tinggi.

5.2 Lulus kesihatan menyelam tahunan dan di sahkan Fit-To-Dive oleh doktor berkepakaran perubatan di bawah air dari hospital kerajaan atau dari pusat Perubatan yang di iktiraf oleh kerajaan.

5.3 Mempunyai jumlah masa menyelam sekurang- kurangnya 90 minit dalam sebulan dan 45 minit darinya mestilah menyelam di waktu malam.

5.4 Disahkan oleh Ketua Penguatkuasa, Ketua Pengarah atau Pegawai Memerintah.

**6. Tuntutan Bayaran**

6.1 Pegawai yang layak perlu membuat tuntutan

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | pembayaran setiap bulan melalui jabatan masing-masing.<br><br>6.2 Bayaran ini perlu ditentukan melalui Buku Rekod Menyelam yang di kemaskini setiap bulan.<br><br>6.3 Ketua Penguatkuasa / Pegawai Memerintah di kehendaki memeriksa Buku Rekod tersebut sebelum mengesahkan tuntutan.<br><br>6.4 Sesalinan mukasurat buku rekod menyelam hendaklan di akui sah bagi bulan tuntutan berkenaan dan di kepilkan bersama dengan borang di lampiran.<br><br>6.5 Pastikan kenyataan tuntutan Bayaran Insentif Menyelam dan dokumen sokongan disertakan.<br><br>6.6 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut:<br><br>6.6.1 Tuntutan hendaklah disempurnakan dalam tahun kewangan.<br><br>6.6.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan dan semasa adalah mencukupi.<br><br>6.7 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.<br><br>6.8 Pastikan butiran-butir maklumat pegawai adalah lengkap di Kew.8 yang di sediakan seperti berikut: | |

**BAHAGIAN AKAUN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : ELAUN INSENTIF MENYELAM** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 6/7 |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | 6.8.1 Nama, no. gaji dan no. kad pengenalan hendaklah dicatitkan.<br><br>6.8.2 Gred/ Kategori/ Kumpulan & Jawatan Gred/ Kategori / Kumpulan & Jawatan.<br><br>**7. Pembayaran melalui baucar berasingan atau SG20 (payroll)**<br>7.1 Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan untuk pembayaran melalui baucar berasingan atau SG20 (payroll):<br><br>7.1.1 Kew.8<br>7.1.2 Surat arahan<br>7.1.3 Sijil Renang<br>7.1.4 Borang Tuntutan<br>7.1.5 Salinan penyata ba nk<br><br>7.2 Semak kod objek lanjut yang dipertanggungkan adalah betul atau sebaliknya seperti berikut:<br><br>7.2.1 Melalui SG20 -1301 Eln Khs /B.I. Menyelam<br><br>7.2.2 Melalui baucar bayaran - 12199<br><br>**8. Pemberhentian Elaun Insentif Menyelam**<br><br>Bayaran Insentif menyelam berhenti di bayar apabila:<br><br>8.1 Pegawai gagal pemeriksaan kesihatan menyelam tahunan dan di sahkan Not – Fit-To Dive oleh doktor berkepakaran perubatan di bawah air dari hospital kerajaan atau pusat Perubatan yang di iktiraf oleh kerajaan.<br><br>8.2 Jumlah masa menyelam tidak mencapai 90 minit dalam sebulan dan 45 minit darinya | Buku Panduan GFMAS – HR/PAYROLL versi 2/2010 |

| Bil | Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|---|
| | | | mestilah menyelam di waktu malam.<br><br>8.3 Ketua Pengarah atas nasihat KetuaPenguatkuasa/ Pegawai Memerintah mendapati atas sebab-sebab tertentu dan munasabah penyelam tersebut tidak layak di bayar Bayaran Insentif Menyelam | |